

**ANALISIS NOTASI HANTARAN *WALL*, *DIAGONAL*  
DAN *SQUARE* TERHADAP PENCAPAIAN  
PASUKAN DALAM KEJOHANAN HOKI  
DEWAN MASUM 2013**

**KHAIRUL NAJLA BINTI HASNOR**

**LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT  
UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SAINS SUKAN)  
(MOD KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2016**

## ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kekerapan penggunaan hantaran *wall*, *diagonal* dan *square* bagi setiap pasukan yang bertanding di Kejohanan Hoki Dewan MASUM 2013. Kajian ini juga mengenal pasti hubungan kekerapan penggunaan hantaran *wall*, *diagonal* dan *square* dengan pencapaian prestasi pasukan lelaki dan wanita. Kajian ini melibatkan sebanyak 18 pasukan iaitu 11 pasukan bagi kategori lelaki dan 7 pasukan bagi kategori wanita. Keseluruhannya, seramai 216 pemain hoki dewan terlibat dalam kajian yang berlangsung di Universiti Malaysia Kelantan ini. Bagi mengenal pasti kekerapan hantaran *wall*, *diagonal* dan *square*, data dianalisis menggunakan kekerapan dan min penggunaan hantaran dinding. Manakala korelasi Pearson pula digunakan untuk mengkaji hubungan kekerapan penggunaan hantaran *wall*, *diagonal* dan *square* dengan pencapaian prestasi pasukan. Keputusan kajian menunjukkan wujud hubungan yang signifikan di antara kekerapan penggunaan hantaran dengan pencapaian pasukan bagi kedua-dua kategori. Nilai signifikan hantaran *wall*, *diagonal* dan *square* terhadap pencapaian prestasi bagi kategori lelaki dan wanita ialah ( $p < 0.05$ ). Perhubungan yang positif menunjukkan pasukan yang lebih banyak melakukan kemahiran hantaran *wall*, *diagonal* dan *square* merupakan pasukan yang berjaya dalam kejohanan tersebut berbanding pasukan yang kurang melakukan kemahiran hantaran. Dapatan kajian ini seharusnya digunakan oleh jurulatih dan individu yang terlibat dengan pembangunan sukan hoki dewan agar menumpukan latihan yang lebih sistematik kepada kemahiran hantaran. Kemahiran ini merupakan taktik atau strategi yang terbaik untuk memenangi sesuatu pertandingan hoki dewan. Namun, penggunaan hantaran yang kerap tanpa tujuan dan strategi yang spesifik tidak akan memberi sebarang kelebihan kepada pasukan.

## NOTATIONAL ANALYSIS ON TACTICAL PASSING SKILLS USED BY COLLEGIATE PLAYERS IN AN INDOOR HOCKEY MASUM TOURNAMENT 2013

### ABSTRACT

The objective of this study was to identify the frequency use of wall, diagonal and square passing for each team competing in the Indoor Hockey MASUM Tournament 2013. The study also examined the relationship of frequency for wall, diagonal and square passing with the performance for men and women team. The study involved 18 teams inclusively 11 teams from men category and 7 teams from women category. Overall, a total of 216 indoor hockey players were involved in this study which was held at University of Malaysia Kelantan. In order to identify frequency of use wall, diagonal and square passing, the data were analysed using frequency and mean use of pass. The Pearson correlation coefficient was used to examine the relationship between frequency of use wall pass, diagonal pass and square pass with team performance. Results of the study showed a significant relationship between the frequency of the use of passes to the achievement of the team in both categories. The significant value of wall pass, diagonal pass and square pass for men and women teams is ( $p < 0.05$ ). Positive relationship indicates team that use more wall, diagonal and square passing was a successful team in tournament as compare to the less use in particular passing. The findings for this study could be used by trainers and individuals who involved in the player development and coaches education. This skill is potentially the best tactics that can be used to increase the chance of winning in an indoor hockey game. However, regular use of passes without specific goals and strategies will reduce advantage to the team.

## ISI KANDUNGAN

### **Muka Surat**

PERAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiii</b>
SENARAI LAMPIRAN	xiv

### **BAB I PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Kerangka konsep	3
1.3 Pernyataan masalah	5
1.4 Kepentingan kajian	6
1.5 Objektif kajian	8
1.6 Persoalan kajian	8
1.7 Batasan kajian	9
1.7.1 Delimitasi kajian	9
1.7.2 Limitasi kajian	9

**BAB II TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	13
2.2	Konsep sains dalam lakukan hantaran dinding	14
2.3	Kajian-kajian lampau berkaitan	17
2.4	Rumusan	22

**BAB III METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	25
3.2	Reka bentuk kajian	26
3.3	Subjek kajian	27
3.4	Instrumen kajian	28
3.5	Prosedur pengumpulan data	29
3.6	<i>Intra-rater</i> dan <i>inter-rater</i>	30
3.7	Kajian rintis	35
3.8	Penganalisisan data	35

**BAB IV DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	36
4.2	Latar belakang responden	37
4.3	Analisis data pasukan lelaki	38
4.4	Analisis data pasukan wanita	50



## BAB V PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	58
5.2	Perbincangan	59
5.3	Kesimpulan	67
5.4	Implikasi dapatan kajian	69
5.5	Cadangan lanjutan	70
	<b>RUJUKAN</b>	74
	<b>LAMPIRAN</b>	78





## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka surat</b>
3.1a Perbandingan skor penggunaan hantaran pasukan lelaki dalam sela masa empat minggu	31
3.2a Analisis <i>intra-rater</i> skor penggunaan hantaran pasukan lelaki dalam sela masa empat minggu	31
3.1b Perbandingan skor penggunaan hantaran pasukan wanita dalam sela masa empat minggu	32
3.2b Analisis <i>intra-rater</i> skor penggunaan hantaran pasukan wanita dalam sela masa empat minggu	32
3.3a Perbandingan skor penggunaan hantaran di antara tiga penilai untuk satu perlawanan pasukan lelaki yang dipilih secara rawak	33
3.4a Analisis <i>inter-rater</i> skor penggunaan hantaran pasukan lelaki	33
3.3b Perbandingan skor penggunaan hantaran di antara tiga penilai untuk satu perlawanan pasukan wanita yang dipilih secara rawak	34
3.4b Analisis <i>inter-rater</i> skor penggunaan hantaran pasukan lelaki	34
4.1 Senarai pasukan dalam Kejohanan Hoki Dewan Masum 2013 mengikut kumpulan lelaki dan wanita	37
4.2 Keputusan skor perlawanan peringkat kumpulan lelaki	39
4.3 Kekerapan penggunaan hantaran <i>wall</i> , <i>diagonal</i> dan <i>square</i> peringkat kumpulan lelaki	41
4.4 Kekerapan penggunaan hantaran <i>wall</i> , <i>diagonal</i> dan <i>square</i> peringkat suku akhir Lelaki	43
4.5 Kekerapan penggunaan hantaran <i>wall</i> , <i>diagonal</i> dan <i>square</i> peringkat separuh akhir lelaki	44





4.6	Kekerapan penggunaan hantaran <i>wall</i> , <i>diagonal</i> dan <i>square</i> peringkat akhir dan tempat ketiga/keempat lelaki	46
4.7	Min kekerapan keseluruhan hantaran <i>wall</i> , <i>diagonal</i> dan <i>square</i> pasukan lelaki	47
4.8	Hubungan di antara kekerapan penggunaan hantaran <i>wall</i> , <i>diagonal</i> dan <i>square</i> dengan pencapaian prestasi pasukan lelaki	49
4.9	Hubungan di antara jumlah skor penggunaan hantaran dengan pencapaian prestasi pasukan lelaki	50
4.10	Keputusan bagi kategori wanita peringkat kumpulan wanita	51
4.11	Kekerapan hantaran <i>wall</i> , <i>diagonal</i> dan <i>square</i> peringkat kumpulan wanita	52
4.12	Kekerapan penggunaan hantaran <i>wall</i> , <i>diagonal</i> dan <i>square</i> di peringkat separuh akhir wanita	54
4.13	Bilangan penggunaan hantaran <i>wall</i> , <i>diagonal</i> dan <i>square</i> peringkat akhir dan penentu tempat ketiga dan keempat wanita	55
4.14	Min keseluruhan kekerapan hantaran <i>wall</i> , <i>diagonal</i> dan <i>square</i> pasukan wanita	56
4.15	Hubungan di antara kekerapan penggunaan hantaran <i>wall</i> , <i>diagonal</i> dan <i>square</i> dengan pencapaian prestasi pasukan wanita	58
4.16	Hubungan di antara jumlah skor penggunaan hantaran dengan pencapaian prestasi pasukan wanita	59



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka surat</b>
1.1 Kerangka konsep	4
1.2 Contoh hantaran <i>wall</i>	11
1.3 Contoh hantaran <i>diagonal</i> dan <i>square</i>	12
2.1 Jenis sudut	15
3.1 Kumpulan kategori lelaki	27
3.2 Kumpulan kategori wanita	28
3.3 Contoh borang skor manual	30
4.1 Peratusan mengikut jantina	38

## SENARAI SINGKATAN

**Singkatan**

**Nama Penuh**

IPT

Institut Pengajian Tinggi

MASUM

Majlis Sukan Universiti Malaysia

PSAS

Politeknik Sultan Azlan Shah

UiTM

Universiti Teknologi Mara

UniSZA

Universiti Sultan Zainal Abidin

UniMAP

Universiti Malaysia Perlis

UM

Universiti Malaya

UMK

Universiti Malaysia Kelantan

UPM

Universiti Putra Malaysia

UPNM

Universiti Pertahanan Nasional  
Malaysia

USM

Universiti Sains Malaysia

USIM

Universiti Sains Islam Malaysia

UTeM

Universiti Teknikal Malaysia  
Melaka

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
1. Pengumpulan data 1 (video pasukan lelaki)	78
2. Pengumpulan data 2 (video pasukan wanita)	79
3. Pengumpulan data 3 (borang manual)	80
4. Pengumpulan data 4 ( <i>borang intra-rater</i> )	83
5. Pengumpulan data 5( <i>borang inter-rater</i> 1)	84
6. Pengumpulan data 6 ( <i>borang inter-rater</i> 2)	85

## BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Hoki dewan mula diperkenalkan di Malaysia oleh Mr. Ken Herman pada tahun 1975 dan pertama kali dipertandingkan di peringkat antarabangsa pada tahun 1978 (Vivekanandan, 2012). Namun, selepas pertandingan tersebut diadakan sukan ini mula pudar ekoran daripada alasan yang tertentu. Sukan ini kemudiannya dibangunkan semula oleh Majlis Sukan Unit Pembangunan Negara pada awal tahun 2000.

Setelah sukan hoki dewan ini diperkenalkan semula dan menjadi popular di Malaysia, banyak pertandingan yang telah diadakan mengikut peringkat umur. Tidak ketinggalan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) juga telah menjadikan



sukan hoki dewan sebagai salah satu acara sukan yang wajib dianjurkan pada setiap tahun. MASUM mula menganjurkan sukan hoki dewan bagi kategori Institut Pengajian Tinggi (IPT) lelaki dan wanita buat pertama kali pada tahun 2010 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), dan pada kejohanan tersebut pasukan tuan rumah telah berjaya menjadi johan bagi kategori IPT wanita.

Permainan hoki dewan ini telah diubahsuai peraturannya daripada permainan hoki yang sebenar. Saiz gelanggang hoki dewan kecil berbanding hoki padang iaitu 44 meter panjang dan 22 meter lebar. Hoki dewan juga menggunakan dinding yang berukuran 10 cm lebar yang diletakkan di bahagian tepi gelanggang (International Field Hockey Federation, 2016). Selain itu, posisi dan bilangan pemain juga berbeza di antara hoki padang dan hoki dewan. Bilangan pemain hoki dewan di dalam gelanggang adalah 6 orang pemain sahaja berbanding hoki padang 11 orang pemain (Vivekanandan, 2012). Bagi posisi di antara sukan hoki padang dan hoki dewan amat berbeza ekoran daripada bilangan pemain yang berbeza (Tromp & Holmes, 2011).

Walaupun, hoki dewan telah dikenali dan dipertandingkan diperingkat antarabangsa namun menurut (Konarski & Strzelczyk, 2009) masih kurang kajian yang dijalankan bagi sukan hoki padang dan sukan hoki dewan yang dijalankan sehingga kini. Kebanyakkan kajian yang telah dilakukan mengkaji aspek teknikal, kecederaan dan sebagainya (Amjad et al., 2013; Vinson et al., 2013; Konarski & Strzelczyk 2009; Eggers-Stroder, & Hermann, 1994). Kajian berkaitan analisis notasi masih kurang dilakukan. Analisis notasi telah ditakrifkan sebagai satu kaedah yang sah dan boleh dipercayai yang boleh digunakan untuk mengkaji prestasi pasukan dalam apa juu sukan yang dipertandingkan (Hughes & Franks, 2004). Analisis notasi





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

juga tertumpu kepada petunjuk perlawanannya umum, petunjuk taktikal dan petunjuk teknikal (Hughes & Barlett, 2008). Analisis jenis ini biasa digunakan untuk mengkaji aspek teknikal prestasi sesebuah pasukan seperti bola sepak, ragbi, bola tampar, tennis dan sebagainya (Clemente, Couceiro, Martins & Mendes, 2012). Namun masih kurang kajian jenis ini dijalankan untuk sukan hoki dewan (Konarski & Strzelczyk, 2009).

Dalam kajian yang dijalankan ini, penyelidik menganalisis secara notasi penggunaan kemahiran hantaran *wall*, *diagonal* dan *square* setiap pasukan yang bertanding dalam kejohanan sukan MASUM 2013. Selain itu juga, penyelidik ingin mengkaji keberkesanannya penggunaan hantaran tersebut terhadap prestasi dan pencapaian pasukan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## 1.2 Kerangka konsep

Merujuk pada rajah 1.1, analisis notasi ini dilakukan berdasarkan rakaman video yang direkodkan pada kejohanan hoki dewan MASUM 2013 yang berlangsung di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dari 24 September 2013 hingga 30 September 2013.

Analisis notasi dibuat untuk melihat penggunaan kemahiran hantaran *wall pass*, *diagonal pass* dan *square pass* dalam kedua-dua kategori yang dipertandingkan iaitu IPT Lelaki dan IPT Wanita. Sebanyak 11 pasukan yang menyertai untuk kategori lelaki dan 7 pasukan untuk kategori wanita. Kajian ini merekodkan setiap perlawanannya



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun




ptbupsi



bagi kedua-dua kategori untuk menganalisis tiga jenis kemahiran hantaran *wall*, *diagonal* dan *square* yang dilakukan oleh setiap pasukan yang bertanding.

Penyelidik juga membuat penilaian terhadap pencapaian pasukan. Pencapaian pasukan ditentukan mengikut kedudukan nombor 1 hingga terakhir. Sebagai contoh, pasukan yang menjadi johan dilabel sebagai nombor 1, naib johan nombor 2, dan seterusnya sehingga nombor terakhir.



**Rajah 1.1 : Kerangka konsep**





### 1.3 Pernyataan masalah

Sukan hoki dewan telah menjadi satu sukan berprestasi tinggi sehingga ke peringkat antarabangsa. Namun, masih kurang kajian yang dijalankan bagi meningkatkan mutu sukan ini (Vinson, Padley, Jeffreys, Brady, & James, 2013). Menurut Konarski dan Strzelczyk (2009), tidak banyak kajian yang dijalankan bagi sukan hoki padang dan juga kekurangan kajian yang sistematik untuk melihat pada komponen prestasi sukan hoki dewan.

Walaupun sukan hoki dewan diadaptasikan daripada sukan hoki padang, terdapat banyak perbezaan yang ketara antara kedua-dua sukan tersebut. Peraturan permainan hoki dewan ini telah diubahsuai dan diperbaharui mengikut kesesuaian



sukan tersebut (International Field Hockey Federation, 2016). Antara peraturan yang ketara di antara sukan hoki padang dan hoki dewan ialah cara hantaran. Peraturan hoki padang, pemain dibenarkan melakukan hantaran dengan pelbagai cara seperti memukul, menolak dan mengangkat bola. Namun, bagi hoki dewan teknik membuat hantaran hanya boleh dilakukan dengan teknik menolak sahaja. Teknik pukulan dan mengangkat bola tidak dibenarkan sama sekali semasa dalam permainan (Vivekanandan, 2012).

Selain saiz padangnya yang kecil, sukan ini mempunyai dinding yang berukuran 10 cm lebar di bahagian tepi padang. Dinding ini boleh digunakan oleh pemain sebagai medium untuk membuat hantaran kepada rakan pasukan ketika bermain. Penggunaan hantaran dinding dalam sukan ini adalah salah satu strategi pasukan untuk membuat serangan pantas semasa dalam perlawanan (Vivekanandan,





2012). Selain itu, dinding ini juga boleh digunakan sebagai medium untuk melepas pihak lawan semasa dalam permainan.

Sehingga kini masih kurang kajian yang dijalankan secara analisis notasi untuk menguji keberkesanan penggunaan hantaran *wall*, *diagonal* dan *square* dalam hoki dewan (Konarzski & Strzelczyk, 2009). Justeru, satu kajian perlu dijalankan untuk mengenal pasti sejauh mana hantaran *wall*, *diagonal* dan *square* diamalkan oleh pasukan yang menyertai kejohanan hoki dewan MASUM 2013 yang berlangsung di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada 26 September 2013 hingga 30 September 2013.



Prestasi pasukan juga dinilai berdasarkan pencapaian dalam kejohanan hoki



Kajian ini ingin melihat adakah pasukan yang berjaya lebih banyak menggunakan hantaran *wall*, *diagonal* dan *square* semasa dalam perlawanan berbanding pasukan yang tidak berjaya. Dapatkan kajian ini dapat membantu meningkatkan mutu kemahiran hantaran dalam permainan hoki dewan. Selain dapat membantu memberikan ilham kepada jurulatih dan atlet untuk memanfaatkan kelebihan menggunakan teknik kemahiran hantaran ini.

#### **1.4 Kepentingan kajian**

Analisis prestasi adalah satu cara untuk memahami faktor yang menerangkan kejayaan setiap atlet atau pasukan tahap elit (Garganta, 2009). Analisis notasi ini dilakukan untuk mengkaji penggunaan hantaran *wall*, *diagonal* dan *square* dalam





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

permainan hoki dewan terhadap pencapaian setiap pasukan. Setiap pasukan yang bertanding dianalisis kekerapan penggunaan hantaran tersebut dalam setiap perlawanan sepanjang pertandingan. Hasil kajian ini sangat penting untuk mengukur tahap keberkesanan penggunaan kemahiran hantaran terhadap pencapaian pasukan.

Kajian ini penting untuk jurulatih khususnya jurulatih hoki dewan mengetahui kepentingan penggunaan kemahiran hantaran *wall*, *diagonal* dan *square* terhadap prestasi dan pencapaian pasukan. Analisis ini memberikan jurulatih pengetahuan dalam bidang sukan supaya mereka boleh berfikir cara-cara untuk meningkatkan prestasi latihan dan perlawanan (Garganta, 2009). Ini akan memudahkan jurulatih merancang jadual latihan yang berkesan untuk melatih atlet supaya mahir dalam melakukan kemahiran hantaran tersebut. Kemahiran hantaran ini juga penting untuk



05



melancarkan strategi serangan yang dirancang oleh jurulatih atau atlet

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Melalui kajian ini, atlet dapat mengetahui kesan penggunaan hantaran *wall*, *diagonal* dan *square* dan boleh mengaplikasikan dalam latihan sehingga mahir teknik tersebut. Ini akan memudahkan pemain ketika perlawanan kerana telah mahir dan menguasai teknik hantaran tersebut. Seterusnya, kajian ini juga penting kepada masyarakat dan badan-badan yang berkaitan seperti Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Universiti Malaysia. Hal ini kerana, sedikit sebanyak kajian ini akan menyumbang kepada peningkatan tahap prestasi pemain dan ini akan memudahkan proses pemilihan atlet untuk mewakili negara atau institusi ke pertandingan di peringkat yang lebih tinggi seperti Kejohanan Hoki Dewan Piala Asia dan Kejohanan Universiti ASEAN. Ini akan membantu menaikkan nama dan mutu sukan negara kita.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## 1.5 Objektif kajian

Analisis notasi kemahiran hantaran *wall*, *diagonal* dan *square* dalam kejohanan hoki dewan MASUM 2013 dilakukan adalah untuk mencapai objektif berikut :

- i. Menganalisis kekerapan penggunaan hantaran *wall*, *diagonal* dan *square* setiap pasukan yang bertanding.
- ii. Mengenal pasti hubungan kekerapan penggunaan hantaran *wall*, *diagonal* dan *square* dengan pencapaian prestasi pasukan dalam kejohanan hoki dewan MASUM 2013.

## 1.6 Persoalan kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian, persoalan yang akan dijawab dalam kajian ini adalah seperti berikut :

- i. Apakah tahap kekerapan penggunaan hantaran *wall*, *diagonal* dan *square* dalam setiap pasukan yang bertanding dalam kejohanan hoki dewan MASUM 2013?
- ii. Apakah hubungan kekerapan penggunaan hantaran *wall*, *diagonal* dan *square* dengan pencapaian prestasi setiap pasukan yang bertanding dalam kejohanan hoki dewan MASUM 2013?



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## 1.7 Batasan kajian

### 1.7.1 Delimitasi kajian

Kajian ini adalah satu skop kajian yang baru dijalankan dalam sukan hoki dewan. Kajian ini berfokuskan di dalam ruang lingkup penggunaan hantaran *wall*, *diagonal* dan *square* dalam permainan hoki dewan sahaja. Kajian ini juga tertumpu kepada pasukan IPT yang bertanding dalam kejohanan hoki dewan MASUM 2013. Perlawanan juga diadakan di tempat dan gelanggang yang sama bagi setiap pasukan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Terdapat beberapa limitasi dalam kajian yang dijalankan. Selain tiada bahan rujukan yang berkaitan dengan objektif kajian, rujukan ilmiah yang berkaitan dengan sukan hoki dewan juga sedikit. Selain itu, pemilihan peserta kajian mungkin tidak membenarkan dapatan kajian untuk digeneralisasikan kepada pemain atau pasukan yang berbeza tahap, kepakaran dan umur.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## 1.8 Definisi pemboleh ubah kajian

### Kejohanan Hoki Dewan MASUM

MASUM adalah singkatan bagi Majlis Sukan Universiti Malaysia. Pertandingan MASUM adalah pertandingan yang berprestij pada peringkat universiti awam di Malaysia. Setiap universiti akan menghantar pasukan untuk menyertai sukan ini yang diadakan setiap tahun. Pada kejohanan hoki dewan MASUM ini terdapat 8 pasukan dari universiti seluruh Malaysia yang bertanding.

### Hantaran *wall*



Hantaran *wall* adalah hantaran ke arah dinding yang dilakukan oleh pemain untuk melantunkan bola kepada rakan pasukan (sila rujuk rajah 1.2). Hantaran dinding dalam permainan hoki dewan digunakan oleh pemain untuk membuatkan permainan lebih pantas dan menarik (International Field Hockey Federation, 2016).


### Hantaran *diagonal*

Hantaran *Diagonal* adalah hantaran pepenjuru yang dilakukan oleh pemain untuk menghantar bola kepada rakan pasukan (rajah 1.3).




### Hantaran square

Hantaran *square* adalah hantaran secara  $90^0$  yang dilakukan oleh pemain untuk menghantar bola kepada rakan pasukan (rajah 1.3).



**Rajah 1.2 : Contoh hantaran wall**



**Rajah 1.3 : Contoh hantaran *diagonal* dan *square***

Pencapaian pasukan dinilai mengikut skala dari nombor 1 hingga yang terakhir. Sebagai contoh bagi kategori lelaki pasukan yang berjaya pada peringkat akhir dan telah mendapat kedudukan johan dan naib johan akan dilabel nombor 1 dan 2, sehingga pasukan yang kalah dan terakhir kedudukannya dilabel nombor 11. Begitu juga bagi pasukan kategori wanita pasukan yang menjadi johan dilabel sebagai nombor 1 sehingga pasukan yang kalah dan terakhir dilabel sebagai nombor 7.

## BAB II

### TINJAUAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Perbincangan dalam bab ini lebih menekankan kepada ulasan daripada jurnal dan artikel yang berkaitan dengan kajian yang ingin dijalankan. Jurnal dan artikel yang berkaitan tersebut perlu untuk menyokong dan membantu penyelidik menjalankan kajian.

Dalam kajian yang dilakukan oleh penyelidik, maklumat dan kajian lampau mengenai hoki dewan adalah sedikit. Ini telah dijelaskan oleh Konarski dan Strzelczyk (2009), iaitu tidak banyak kajian yang dijalankan bagi sukan hoki padang dan belum ada kajian bagi sukan hoki dewan yang dijalankan sehingga kini. Dalam bab ini penyelidik menerangkan konsep sains yang terdapat dalam laporan hantaran